

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 1 MAC 2022, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 1**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1451-MQT1640  
**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah drastik yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani musibah banjir yang baru melanda negeri-negeri Pantai Timur pada waktu ini.
  
2. PR-1451-MQT1625  
**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan pendirian Kementerian dalam kawal selia aktiviti perniagaan karbon (*carbon trading*) seperti perjanjian perniagaan karbon antara Kerajaan Negeri Sabah dengan syarikat asing.
  
3. PR-1451-MQT1636  
**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan motif utama organisasi Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dikorporatkan. Apakah ia tidak bercanggah dengan tujuan asal penubuhannya untuk membantu dan membimbing usahawan kecil di kawasan luar bandar. Setakat hari ini, berapa ramai sahabat AIM berdaftar di seluruh negara. Negeri manakah yang paling ramai dan kebanyakannya apakah jenis perniagaan yang diceburi. Adakah AIM mewujudkan koperasi untuk sahabat-sahabat berkenaan mengikut daerah atau zon.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 1 MAC 2022, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 2**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1451-L15160  
**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa masih berlakunya kelemahan di dalam sistem pelaksanaan dan penyampaian (*delivery system*) Kerajaan dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.
  
2. PR-1451-L14478  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Port Dickson ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan penurunan kedudukan Malaysia dalam penilaian Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2021 keluaran Transparency International ke tangga 62 daripada 180 negara dan adakah ini bermaksud pelaksanaan inisiatif dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) sejak 2019 tidak berkesan.
  
3. PR-1451-L14026  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan setakat manakah pelaksanaan kemudahan pembayaran tol menggunakan teknologi Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) di semua tol tertutup di Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) dan Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT 2) dan nyatakan setakat manakah RFID ini mampu mengatasi masalah kesesakan di plaza tol serta nyatakan sama ada *Touch n GO* dan *Smart Tag* akan terus digunakan di Lebuh Raya PLUS dan LPT 2.

4. PR-1451-L14247  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan rancangan jangka pendek dan panjang dalam membaik pulih sistem saliran di Klang bagi mengatasi fenomena banjir. Adakah Kementerian bercadang untuk menambah baik sistem saliran berikutan kajian *Climate Central* menyatakan sebahagian kawasan Klang akan tenggelam dalam tahun 2050.
5. PR-1451-L13992  
**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bagaimana Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya atau *Highway Network Development Plan 2030* (HNDP 2030) dapat meningkatkan kesalinghubungan (*connectivity*) rangkaian jalan raya secara holistik bagi menyokong pembangunan sosioekonomi negara.
6. PR-1451-L14642  
**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan peranan Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) dan Kor Kesihatan sekiranya bencana berskala besar berlaku terutamanya di kawasan berhampiran dengan empangan, serta adakah peralatan/kelengkapan tentera darat mencukupi.
7. PR-1451-L14930  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar dan perancangan yang telah dirangka setelah pelantikan pengerusi baharu Lembaga Tabung Haji dalam mengembalikan keyakinan pendeposit.
8. PR-1451-L15044  
**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kedudukan terkini pelaburan negara di luar negeri, pelaburan asing ke Malaysia, jumlah dan jenis pelaburan serta usaha Kementerian bagi meningkatkan jumlah pelaburan ke Wilayah Persekutuan Labuan.
9. PR-1451-L14056  
**Dato' Sri Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kenaikan harga minyak sawit mentah memberi kesan kepada Kerajaan untuk menampung subsidi bahan-bahan tersebut. Adakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula kaedah pembahagian subsidi supaya ia lebih tersasar seperti golongan B40. Memberi kad subsidi dalam bentuk tunai dijangka adalah lebih berkesan khususnya kepada mereka yang hanya layak sahaja mendapatkannya.

10. PR-1451-L15109  
**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana RM101.27 bilion yang diperlukan untuk menjayakan 7 Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) yang digariskan di bawah Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 akan dibiayai. Jika pihak swasta yang diharap menanggung kos ini, apakah jaminan yang Kerajaan tawarkan kepada mereka bagi memastikan TPB2030 berjaya.
11. PR-1451-L14917  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dakwaan sesetengah peneroka FELDA yang tidak mengalami peningkatan pendapatan selari dengan harga minyak sawit yang tinggi.
12. PR-1451-L14097  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah tanah runtuh yang telah berlaku di Kuala Lumpur semasa musim hujan sepanjang tahun 2021 dan terutamanya antara 18 ke 19 Disember 2021.
13. PR-1451-L14945  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan dalam pemberian bantuan menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) bagi Monsun Timur Laut (MTL) 2021/2022.
14. PR-1451-L15105  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Stampin ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah status projek naik taraf lampu isyarat di Jalan Samarahan-Kuching yang seharusnya dijadualkan siap bina dalam bulan Januari 2022. Apakah sebab kelewatan pelaksanaan projek dan apakah tindakan yang telah diambilkan oleh Kerajaan untuk mempercepatkan projek tersebut.
15. PR-1451-L14508  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kelayakan untuk menjadi Ahli SPR, terma-terma perlantikan seperti imbuhan dan tempoh serta pembaikan kaedah mengundi dan tahap kecekapan SPR menangani pendidikan demokrasi kepada pengundi muda dan automatik yang bertambah pada setiap bulan.

16. PR-1451-L14310  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan berapa banyak dana yang telah diperuntukkan kepada Sibu sejak lima tahun yang lalu kerana banjir selalu berlaku di bandar Sibu untuk penyelenggaraan dan memperbaiki parit-parit dan sungai-sungai di Sibu. Senaraikan jumlah mengikut tahun 2018-2022.
  
17. PR-1451-L15220  
**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di Mukim Matang, Mukim Sungai Tinggi, Mukim Trong, Mukim Bukit Gantang dan Mukim Taiping dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 dan status kemajuan projek pembinaan pam air di Pekan Kuala Sepetang dan Kampung Matang Road. Apakah perancangan strategik Kementerian bersama Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama serta Majlis Perbandaran Taiping bagi mengatasi masalah banjir di Kurnia Jaya.
  
18. PR-1451-L14141  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pelaburan-pelaburan terbaru yang berjaya dibawa ke kawasan perindustrian di Pasir Gudang.
  
19. PR-1451-L14567  
**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah hasil Kementerian dalam penelitian laporan penuh dakwaan oleh Amerika Syarikat (AS) bahawa Top Glove Corp Bhd menggunakan buruh paksa dalam operasinya dan jumlah kerugian akibat sekatan dan rampasan pihak berkuasa AS ke atas produk Top Glove.
  
20. PR-1451-L14588  
**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [ Kota Raja ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah ada usaha-usaha daripada pihak Malaysia untuk mempengaruhi Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) bagi memperjuangkan hak rakyat Palestin untuk kembali ke tanah air mereka sebagaimana yang dijamin oleh Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB).

21. PR-1451-L14966  
**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat mewajibkan penggunaan Bahasa Melayu dalam semua acara melibatkan Kementerian dan agensi Kerajaan di dalam negara pada waktu ini dalam usaha memartabatkan Bahasa Kebangsaan.
22. PR-1451-L14763  
**Tuan Nga Kor Ming [ Teluk Intan ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) jumlah dana sebenar pelabur asing yang masuk melabur dalam negara kita mengikut tahun dari 2019 hingga 2021; dan
  - (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah yang dinyatakan dalam laporan UNCTAD yang mana kedudukan negara dalam menarik pelaburan asing sudah merosot dari tangga kedua jatuh ke tangga kelima di ASEAN selepas Singapura, Indonesia, Vietnam dan Filipina.
23. PR-1451-L14350  
**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [ Libaran ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam mempromosikan Bajet 2022 dan RMK-12 kepada rakan-rakan perdagangan sedunia di alaf pasca COVID-19 serta cabaran ekonomi global yang dinamik.
24. PR-1451-L14554  
**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap kedudukan Malaysia yang jatuh ke tangga 62 dalam Indeks Persepsi Rasuah 2021 yang diumumkan baru-baru ini dan tindakan yang bakal dimabil oleh Kerajaan.
25. PR-1451-L14981  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status Pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau Akta 355.

26. PR-1451-L14874  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi melaksana transformasi atau reformasi institusi penguatkuasaan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dengan antara lain meletakkannya di bawah Parlimen.
27. PR-1451-L14481  
**Datuk Seri Panglima Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [ Beaufort ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah SPR bercadang untuk mengemas kini daftar pengundi yang kini menetap di daerah atau negeri lain bagi mengurangkan jumlah pengundi luar.
28. PR-1451-L14127  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah sebab-sebab Kerajaan bercadang untuk menukar sistem pembayaran di semua tol lebuhraya daripada kemudahan *Touch 'n Go* dan *SmartTAG* ke RFID (*Radio Frequency Identification*).
29. PR-1451-L14243  
**Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah tuntutan mengenai 50 peratus Cukai Persekutuan yang dikutip di Sarawak dikembalikan ke Sarawak dan menaikkan royalti minyak turut dibincangkan di dalam Majlis Khas mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (MKMA63).
30. PR-1451-L14761  
**Tuan Nga Kor Ming [ Teluk Intan ]** minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan secara terperinci terhadap masalah pembinaan Kapal Perang LCS (*Littoral Combat Ship*) yang telah menelan belanja RM9 bilion tapi masih tidak kesampaian:-
- (a) berapa jumlah duit telah dibayar kepada kontraktor untuk membina 6 buah kapal perang LCS (*Littoral Combat Ship*) sejak projek ini bermula pada 2013; dan
  - (b) apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan 6 kapal perang tentera laut ini siap dibina dan diserahkan mengikut jadual waktu asal pada tahun 2023. Adakah Kerajaan menjalankan tender terbuka dalam projek pertahanan bernilai RM9 bilion ini.

31. PR-1451-L14653  
**Datuk Seri Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sebarang usaha yang telah dilaksanakan atau sedang dirangka bagi meningkatkan Paras Harga Pengaktifan (PHP) Insentif Pengeluaran Getah (IPG) kepada RM3.50 sekilogram.
32. PR-1451-L14426  
**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jabatan-jabatan Kerajaan manakah yang menyediakan air botol jenama 'Evian' percuma semasa mesyuarat dijalankan. Sekiranya air *Evian* tersebut ditaja oleh pihak swasta, siapakah nama penaja itu dan agendanya.
33. PR-1451-L14214  
**Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor [ Cameron Highlands ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah status program Getah Untuk Pribumi (GUP) dan adakah program tersebut masih diteruskan untuk tahun 2022.
34. PR-1451-L14793  
**Puan Yeo Bee Yin [ Bakri ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status terkini pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling dan *Environmental Quality Monitoring Program (EQMP)*.
35. PR-1451-L15005  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif atau pendekatan yang diambil oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) untuk meningkatkan jumlah pengambilan calon Orang Kurang Upaya (OKU) sejajar dengan Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan OKU Dalam Perkhidmatan Awam.
36. PR-1451-L14285  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pencapaian Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Perdana Menteri dengan Pakatan Harapan setakat ini.
37. PR-1451-L14974  
**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk memberi pendidikan politik Islam kepada pengundi baru berusia 18 tahun.

38. PR-1451-L15090  
**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan dengan terperinci semua aktiviti duta-duta Khas seperti Datuk Seri Hadi Awang, Datuk Seri Tiong King Sing, Datuk Seri Richard Riot dan Tan Sri Vigneswaran termasuk lawatan luar negara, mesyuarat dan konsultasi secara fizikal dan secara maya serta pencapaian mereka dalam bidangkuasa mereka semenjak dilantik sehingga kini.
39. PR-1451-L14912  
**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggantikan jawatan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang telah terpalit dengan kontroversi pemilikan saham dengan individu baru memandangkan jawatan tersebut merupakan jawatan utama yang tidak sepatutnya terpalit dengan sebarang jenis isu salah laku.
40. PR-1451-L14699  
**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [ Pokok Sena ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah dan bantuan Kerajaan mengatasi masalah kehidupan kurang lebih 800,000 pekerja sektor awam Gred 19 ke bawah yang skim gaji mereka masih di bawah paras garis kemiskinan (PGK).
41. PR-1451-L14892  
**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan perkembangan terkini pembinaan LPT3 sejauh 150km yang bermula dari Gemuroh, Terengganu ke Tumpat, Kelantan.
42. PR-1451-L14192  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengenai perkembangan terkini kilang-kilang yang menukar destinasi perniagaan mereka ke negara lain berbanding Malaysia.
43. PR-1451-L14459  
**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah Kementerian dalam menangani isu kenaikan harga gas yang turut terkesan akibat kenaikan harga minyak di pasaran antarabangsa, yang mana keadaan ini telah menjejaskan operasi dan kewangan para pemain industri yang bergantung kepada gas sebagai sumber tenaga.

44. PR-1451-L14541  
**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan SPRM terhadap rakaman audio bekas Perdana Menteri, Muhyiddin Yassin yang menawarkan jawatan politik dan kedudukan dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) sebagai pertukaran untuk sokongan politik.
45. PR-1451-L14772  
**Tengku Zulpuri bin Raja Puji [ Raub ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah tindakan proaktif Kementerian dalam penyelesaian isu kritikan dari luar negara berhubung dengan perladangan kelapa sawit menggunakan buruh paksaan dan tidak memberi pertimbangan keperluan kehidupan asas yang cukup.
46. PR-1451-L14228  
**Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [ Batang Lupar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan membantu dalam penyelarasan bantuan dan sokongan daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta sukarelawan semasa bencana dan situasi kritikal negara kerana dilaporkan terlalu banyak birokrasi dan syarat yang ketat dikenakan.
47. PR-1451-L14476  
**Tuan R. Sivarasa [ Sungai Buloh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa hanya seorang didakwa dalam kes kecurian USD6.94 juta dari barang kes antaranya USD12.1 juta berkenaan dengan pendakwaan Datuk Hasanah Abdul Hamid padahal kecurian besar itu daripada simpanan SPRM sendiri dan penggantian dengan wang palsu dalam peti besi dalaman SPRM mesti melibatkan lebih daripada seorang pegawai yang ada kuasa untuk membuka peti besi, memperolehi wang palsu dan ganti duit dalam peti besi.
48. PR-1451-L14724  
**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [ Hang Tuah Jaya ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kos keseluruhan untuk menguruskan bencana banjir tahun lepas dan berapa aset-aset yang telah dikerahkan secara bersepadu serta apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan ketidakcekapan Kerajaan tidak berulang.
49. PR-1451-L14418  
**Puan Hajah Natrah binti Ismail [ Sekijang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dan nama kawasan FELDA di seluruh negara yang telah berjaya menyelesaikan masalah perumahan untuk generasi kedua.

50. PR-1451-L15116  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 tidak bermesyuarat sejak 5 November 2021 dan adakah langkah yang diambil bagi menghadapi gelombang baru Omicron sah dan sahik kerana mencerminkan kekurangan komitmen dan pendekatan “*whole-of-government*”, termasuk keengganan menangguhkan Pilihan Raya Negeri Johor.
51. PR-1451-L14095  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada negara kita mempertimbangkan untuk meningkatkan usia persaraan memandangkan kadar penuaan populasi negara yang semakin meningkat.
52. PR-1451-L14403  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan remaja berumur 18 tahun akan mengundi dalam Pilihan Raya Umum ke 15 nanti. Sejauh mana maklumat berhubung syarat-syarat dan peraturan serta mekanisme yang membolehkan mereka mengundi dan di mana mereka akan mengundi telah didedahkan kepada masyarakat.
53. PR-1451-L15171  
**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan sama ada Kementerian akan menggubal dan melaksanakan satu Akta Perubahan Iklim (*Climate Change Act*). Apa status akta ini pada masa kini, dan tindakan-tindakan lain Kerajaan yang telah dilakukan untuk mencapai objektif-objektif seperti yang telah dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 pada tahun 2021.
54. PR-1451-L14360  
**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan butiran terperinci pelaksanaan Projek Tebatan Banjir Sg Bata (dari Changlun ke Jitra) dalam RMKe-12, kos terlibat dan jangkaan kerja fizikal akan dimulakan.
55. PR-1451-L15032  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan status kenaikan harga tol yang ditangguhkan pada tahun 2021 dan apakah kenaikan harga bakal dilaksanakan pada tahun 2022.

56. PR-1451-L14190  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan mengenai elaun RM500 Pingat Jasa Malaysia. Adakah pemberian elaun ini masih diteruskan oleh Kerajaan.
57. PR-1451-L14301  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibü ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengapa Abdul Hadi Awang sebagai Duta Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah bertemu dengan kumpulan Taliban dan adakah pertemuan itu mendapat kelulusan oleh Kabinet. Jelaskan pendirian Kerajaan tentang pertemuan itu.
58. PR-1451-L14280  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan meminda Pasal 122AB (1) Perlembagaan Persekutuan ia itu untuk mengembalikan kuasa Tuan Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak dalam pelantikan Judicial Commissioner.
59. PR-1451-L14406  
**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan apakah status perolehan pesawat tempur ringan (*Light Combat Aircraft*) untuk Tentera Udara Diraja Malaysia.
60. PR-1451-L14635  
**Datuk Liew Chin Jin @ Christina Liew [ Tawau ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan pada penghujung tahun 2018, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM300 juta untuk dua pakej Projek-Projek Mitigasi Banjir di kawasan Tawau. Apakah status semasa dan kemajuan projek-projek berkenaan, apakah yang terlibat dalam kedua-dua pakej itu.
61. PR-1451-L14627  
**Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [ Temerloh ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah tindakan segera tahun ini dalam mewujudkan lebih banyak projek tebatan banjir bagi persediaan musim tengkujuh hujung tahun ini.
62. PR-1451-L14453  
**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Lumut ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan peratusan siap Lebuh Raya Pantai Barat (WCE) dan tarikh jangkaan siap sepenuhnya.

63. PR-1451-L14008  
**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [ Kalabakan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tarikh yang dijangka sesuai untuk membuka pintu kemasukan antarabangsa negara untuk menerima pelancong-pelancong asing yang telah menerima suntikan vaksin lengkap dan disahkan bebas jangkitan COVID-19 datang berkunjung ke destinasi-destinasi menarik dalam negara demi memulihkan industri pelancongan dan hospitaliti negara yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.
64. PR-1451-L15106  
**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan memandang serius masalah pemanasan global dan kesannya kepada negara. Sebagai contoh seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah kerugian akibat daripada banjir pada tahun 2021 adalah RM6.1 bilion. Tidakkah wajar diangkat masalah perubahan iklim sebagai krisis nasional yang perlu diletak di bawah kelolaan Jabatan Perdana Menteri.
65. PR-1451-L14272  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penambahbaikan pengurusan dan SOP bencana di setiap peringkat bagi memastikan bantuan dan sumbangan dapat disalurkan sesegera yang mungkin kepada mangsa-mangsa yang terlibat.
66. PR-1451-L15125  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan impak perjanjian keselamatan Australia-United Kingdom-United States (AUKUS) terhadap dasar luar negara Malaysia dan kedudukan ASEAN sebagai *Zone of Peace Freedom and Neutrality* (ZOPFAN), khususnya dalam aspek perbelanjaan ke atas kelengkapan tentera Amerika Syarikat, Australia dan United Kingdom dalam rantau ini.
67. PR-1451-L15183  
**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan pendirian Kementerian terhadap cukai pelepasan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) oleh pihak industri.

68. PR-1451-L14071  
**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan penyediaan RUU untuk mengawal perdagangan kredit karbon di Malaysia. Adakah Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan pernyataan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Jeffrey Kitingan bahawa "Sabah perlu bertindak segera sebelum hilang kuasa terhadap perdagangan kredit karbon".
69. PR-1451-L14451  
**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan Akta Profesion Guaman Syarie 2019 yang telah diwartakan.
70. PR-1451-L14582  
**Puan Noorita binti Sual [ Tenom ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan demi menjamin kemakmuran dan keharmonian negara adalah penting bagi rakyat untuk mematuhi, menghormati dan mempercayai undang-undang dan sistem pentadbiran negara dan penting negara dihormati dan negara luar. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan negara dapat meningkatkan kedudukan atau rangkingnya di dalam *Global Rankings of Transparency International Malaysia* (TI-M) dan *Corruptions Perceptions Index* (CPI).
71. PR-1451-L14112  
**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan unjuran sektor eksport negara pada tahun ini dan langkah-langkah yang telah diambil bagi menggalakkan industri baru dalam sektor eksport negara.
72. PR-1451-L14549  
**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk melindungi *whistleblower* untuk memastikan tindakan terhadap *whistleblower* Lalitha Kunaratnam oleh Tan Sri Azam Baki dan pihak penguatkuasa tidak akan berulang.
73. PR-1451-L14160  
**Datuk Mohd. Azis bin Jamman [ Sepanggar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mempertimbangkan untuk menguatkuasakan larangan membawa telefon bimbit oleh pengundi semasa berada di dalam bilik mengundi sebagai sebahagian daripada penambahbaikan sistem pilihan raya yang sedang dijalankan ketika ini.

74. PR-1451-L14540  
**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan SPRM terhadap bekas pengerusi Prasarana Berhad dan Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman dan Ahli Parlimen Kuala Langat, Dr Xavier Jayakumar.
75. PR-1451-L15247  
**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) statistik dari segi kelulusan penolakan sedang diproses untuk bantuan khas kematian COVID-19 di bawah NADMA dan jumlah yang telah disalurkan; dan
  - (b) apakah SOP dari segi tempoh hari untuk pembayaran selepas penerimaan permohonan dan berapa kes yang menghadapi kelewatan pembayaran dan berapa peratus penggunaan dana bantuan tersebut berbanding peruntukan Kerajaan dalam bajet.
76. PR-1451-L15025  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan Malaysia di dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) memandangkan kedudukan Malaysia telah menurun dari tahun 2020.
77. PR-1451-L14075  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana usaha untuk mempromosi Keluarga Malaysia berjaya membangkitkan kesedaran rakyat seluruhnya untuk mengutamakan perpaduan dan kebersamaan dalam semua aspek kehidupan bagi melonjakkan matlamat negara bangsa Malaysia baharu.
78. PR-1451-L14584  
**Datuk Ignatius Darell Leiking [ Penampang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional pemberian kebenaran kepada guru-guru KEMAS untuk terlibat dalam politik dan adakah ia terpakai kepada semua guru-guru dan juga penjawat awam lain agar tiada dwistandard selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak bersatuan dan kebebasan bersuara kepada semua rakyat Malaysia.

79. PR-1451-L14640  
**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kementerian ada had/peraturan tertentu untuk pengambilan pekerja asing di kedutaan kita, dan apakah usaha Kementerian untuk mempertingkat lagi kawalan keselamatan bangunan kedutaan di negara-negara berisiko.
80. PR-1451-L15148  
**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah (*road map*) yang sedang diambil untuk membolehkan Akta Perkhidmatan Parlimen dilaksanakan. Apakah cabaran dan kesan kos untuk melaksanakannya.
81. PR-1451-L14826  
**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan akan diberikan supaya Ahli Parlimen tidak akan disiasat oleh pihak polis atas isu-isu atau perkara-perkara yang dibawa atau didebatkan oleh Ahli Parlimen di dalam Dewan.
82. PR-1451-L15113  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Stampin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesan kepada Sabah dan Sarawak dari segi ekonomi dan sosial akibat pemindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan dan apakah rancangan yang akan dilaksanakan atau peruntukan yang akan disalurkan untuk Sabah dan Sarawak dimanfaatkan daripada pemindahan tersebut.
83. PR-1451-L14256  
**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan reaksi Kerajaan terhadap terbitan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) *Transparency International* (TI) 2021 yang menunjukkan kedudukan buruk untuk negara dalam bidang pencegahan rasuah.
84. PR-1451-L14352  
**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah langkah segera dan jangka sederhana bagi menebat kesan banjir kepada kawasan-kawasan yang terok dilanda banjir baru-baru ini seperti Taman Sri Muda dan kawasan-kawasan rendah yang lain.

85. PR-1451-L14809  
**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesepakatan untuk segera membentangkan pindaan kepada Peraturan Tetap Mesyuarat bagi membolehkan suatu jadual mingguan tetap untuk Rang Undang-undang Persendirian supaya rang undang-undang ini boleh dibentangkan lebih awal daripada urusan Kerajaan seperti yang diamalkan di Parlimen United Kingdom.
86. PR-1451-L14903  
**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan senarai negara-negara yang akan Malaysia bekerjasama secara berperingkat dalam masa terdekat ini bagi meluaskan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan negara luar di bawah kerjasama Laluan Perjalanan Vaksinasi (VTL).
87. PR-1451-L14475  
**Tuan R. Sivarasa [ Sungai Buloh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila Datuk Hasanah Abdul Hamid akan didakwa semula atas pertuduhan melakukan kesalahan CBT (*criminal breach of trust*) melibatkan dana Kerajaan RM50 juta sebab ini adalah jaminan yang diberi kepada Mahkamah Tinggi pada 12 April 2021 apabila kes beliau ditarik balik oleh Pendakwa Raya dan Hakim Mahkamah Tinggi YA Datuk Ahmad Shahril Mohd Salleh memberi perintah DNAA (*Discharge Not Amounting to Acquittal*) dalam kes ini.
88. PR-1451-L14790  
**Puan Yeo Bee Yin [ Bakri ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan impak Nature Conservation Agreement (NCA) Sabah yang melibatkan karbon kredit kepada *net carbon emission* Malaysia.
89. PR-1451-L15271  
**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan akan mewujudkan Dasar, Sistem Eko dan Insentif bagi memberi galakan penggunaan kenderaan *zero carbon* dan *air mobility* memandangkan banyak negara-negara telah bergiat aktif di dalam mempromosikan penggunaan kenderaan-kenderaan dengan ciri-ciri tersebut.

90. PR-1451-L14107  
**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa jumlah bilangan rumah PPR atau Perumahan Awam (PA) yang tersedia untuk permohonan khusus di Wilayah Persekutuan dan lokasi projek-projek tersebut, berapa bilangan permohonan dalam senarai '*waiting list*' untuk rumah PPR.
91. PR-1451-L15187  
**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak berkuasa lebuhraya Malaysia telah memberi kelulusan kepada PJD Link (M) Sdn. Bhd. untuk menjalankan kerja ukur awal bagi membina lebuhraya PJD Link dan adakah Kementerian akan menyokong projek seumpama itu, memandangkan bantahan yang meluas daripada penduduk Petaling Jaya.
92. PR-1451-L15140  
**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Pandan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Akta atau Rang Undang-undang Keselamatan Siber dapat dibentangkan di Parlimen supaya negara dapat bertindak untuk mempertahankan, memelihara serta melancarkan serangan balas (*Defence, Protect and Attack*) terhadap serangan anasir-anasir yang mengancam keselamatan negara, institusi dan masyarakat.
93. PR-1451-L14677  
**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan oleh pihak Kementerian secara sistemik dan perubahan undang-undang untuk memastikan kuota minimum 30% penglibatan wanita di dalam Parlimen dapat dilaksanakan menjelang pilihan raya umum akan datang.
94. PR-1451-L14125  
**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) adakah semua undang-undang dan peraturan berkaitan dengan hak untuk mengundi kepada mereka yang berumur 18 tahun telah selesai dipinda/ditambah atau dimansuhkan ; dan
  - (b) pelan dan program meningkatkan kesedaran seperti penganjuran dialog, wacana, hebahan di media sosial kepada golongan ini oleh SPR.

95. PR-1451-L14811

**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci nama menteri-menteri, negara yang mereka pergi bercuti dan jumlah yang telah dibelanjakan bagi tahun 2020 dan 2021.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Memilih Timbalan Yang di-Pertua.**

2. **Menteri Dalam Negeri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu."

3. **Datuk Seri Haji Mohd Salim Sharif [ Jempol ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya : -

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Keempat Belas."

4. ( D.R 20/2021 )                      Rang Undang-Undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021.                      **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Kesihatan ]**

5. ( D.R 1/2021 )                      Rang Undang-Undang Kerja (Pindaan) 2021                      “

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

6. ( D.R 13/2021 )                      Rang Undang-Undang Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021                      “

**[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ]**

7. ( D.R 19/2021 ) Rang Undang-Undang Kehadiran Wajib **Bacaan Kali Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2021** **Yang Kedua**  
**[ Menteri Dalam Negeri ]**
8. ( D.R 18/2021 ) Rang Undang-Undang Antigangguan Seksual 2021 “  
**[ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ]**
9. ( D.R 21/2021 ) Rang Undang-Undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Pembubaran) 2021 “  
**[ Menteri Dalam Negeri ]**
10. ( D.R 12/2020 ) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 “  
**[ Menteri Dalam Negeri ]**
11. PR-1451-U(27)207  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuan ]** akan mencadangkan :-  
"Menerima hakikat bahawa setelah Perjanjian Malaysia Tahun 1963 telah di *constitutionlised* atau diperlembagaankan melalui pindaan Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan dalam Sidang Parlimen yang lalu maka Perjanjian Malaysia 1963 itu termasuk kesemua 12 Annexes yang terkandung di dalamnya seperti the Intergovernmental Committee (IGC) adalah satu dokumen undang-undang yang hendaklah dilaksanakan seperti apa yang dipersetujui. Menerima juga hakikat bahawa Perjanjian Malaysia 1963 itu adalah satu perjanjian antarabangsa dan kini telah menjadi sebahagian daripada undang-undang tertinggi negara kita Malaysia maka setiap perkara yang telah dipersetujui hendaklah dilaksanakan. Menyedari hakikat bahawa Perkara (8) IGC yang menyatakan bahawa "*North Borneo should receive each year a grant equal to 40% of any increase in Federal revenue derived from North Borneo and not assigned to the State over the Federal revenue which would have accrued in 1963 if these financial arrangements had been in force in that year. The sum payable would be calculated on the basis of actual revenue received in each year*" adalah satu bentuk *entitlement* kepada Sabah dan oleh itu hendaklah dilaksanakan. Maka dengan itu Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk melaksanakan komitmen tersebut sepertimana apa yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Malaysia"  
**[ Perdana Menteri ]**

12. PR-1451-U(27)208

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Dewan yang Mulia ini hendaklah bersetuju supaya *The Intergovernmental Committee Report (IGC)* hendaklah dikaji oleh sebuah Jawatankuasa Kabinet dan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang berjalan secara seiring. Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen boleh menerima pandangan dari pelbagai saksi melalui pendengaran awam yang dijalankan di seluruh negara"

**[ Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2022</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 2	AKTA PELESENAN TENAGA ATOM 1984 Perintah Pelesenan Tenaga Atom (Kilang Amang Kecil) (Pengecualian) (Pembatalan) 2021 P.U.(A) 435/2021 yang diwartakan pada 1 Disember 2021	1 Mac 2022
ST. 13	AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980 [AKTA 237] Pindaan Kertas Statut 95 Tahun 1980	1 Mac 2022
ST. 14	AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980 [AKTA 237] Pindaan Kertas Statut 102 Tahun 1980	1 Mac 2022
ST. 15	AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980 [AKTA 237] Pindaan Kertas Statut 235 Tahun 1983	1 Mac 2022

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 01.03.2022 (Selasa)	1. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	1. Laporan EIA Makro untuk Melaka Waterfront Economic Zone (MWEZ)	1. YB Menteri Alam Sekitar dan Air
2. 01.03.2022 (Selasa)	2. YB Tuan Kesavan A/L Subramaniam (Sungai Siput)	2. Isu Penutupan Operasi Markas Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Sungai Siput (U)	2. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**